

**NO. SOALAN : 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah usaha kerajaan dalam memulihara tapak warisan di Pulau Pinang yang saban hari kian terhakis akibat daripada kerakusan pemaju untuk menukar kawasan negeri ini menjadi wilayah elit.**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telah menjalankan beberapa usaha bagi memelihara tapak-tapak warisan di Pulau Pinang. Antara usaha yang telah dijalankan adalah mewartakan tapak-tapak yang mempunyai nilai-nilai warisan yang penting.

Sehingga kini sebanyak 11 tapak di Pulau Pinang telah diwartakan dibawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan sejumlah 18 tapak masih menunggu keizinan Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan seksyen 30 Akta 645. Bagi memastikan usaha memulihara, memelihara dan melindungi tapak bersejarah dan warisan di Pulau Pinang dapat diteruskan, pihak kementerian memohon kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberi keizinan pewartaan sebagaimana permohonan yang telah diangkat kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui surat bertarikh 7 April 2015, No. Rujukan : JWN.PP.600/3/1 Jld. 14 (26).

Selain itu, pihak Kementerian melalui Jabatan Warisan Negara juga telah melaksanakan beberapa projek konservasi di Pulau Pinang. Antaranya adalah Sekolah Kebangsaan Sungai Gelugor, Pejabat Warisan Dunia George Town dan Rumah Teh Bunga, Jalan Hutton. Kerja-kerja konservasi akan terus dijalankan dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan dan peruntukan sedia ada.

Sebagai makluman juga, George Town telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008. Melalui pengiktirafan ini, khazanah warisan di George Town, Pulau Pinang akan dapat terus dikekalkan termasuk melalui pemantauan oleh sebuah Jawatankuasa Pengurusan Tapak Warisan Dunia Melaka dan George Town.

Sekian, terima kasih.